

<b>Publication</b>	Berita Harian	<b>Section /Page No.</b>	<b>Isu / Pg. 7</b>
<b>Date</b>	Sat , 2 <sup>nd</sup> Dec 2017	<b>Lead Article</b>	<b>Yes</b>
<b>Headline</b>	'Bumiputera Tak Pernah Dipinggirkan'		

# 'Bumiputera tak pernah dipinggirkan'

➔ Dasar TKB pastikan kelompok terus dapat manfaat tingkat ekonomi

Oleh Syed Azwan Syed Ali  
syedazwan@bh.com.my

► Kuala Lumpur

**K**erajaan pimpinan Datuk Seri Najib Razak tidak pernah meminggirkan kelompok Bumiputera, malah ia terus diperkasakan menerusi dasar Transformasi Kesejahteraan Bumiputera (TKB).

Sehingga kini, Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) yang ditubuhkan sejak 2011, me-

nyediakan peluang perniagaan, pembiayaan perniagaan dan pembangunan modal insan, pelaburan swasta serta penciptaan nilai melebihi RM116 bilion.

Timbalan Presiden Majlis Bekas Wakil Rakyat Malaysia (MUBARAK), Tan Sri Abd Rahman Sulaiman, berkata menerusi TERAJU, kerajaan ingin memastikan tiada lagi keciciran berlaku seperti yang terjadi sebelum ini.

Katanya, dasar sebelum ini, termasuklah Dasar Ekonomi Baru (DEB) adalah dasar yang baik, bagaimanapun ia gagal mencapai sasaran 30 pegangan ekuiti Bumiputera akibat masalah ketirisan.

"Dakwaan kerajaan tidak ada hala tuju dan mengeneipkan Bumiputera adalah tidak benar.

"Tiada pihak yang dipinggirkan di bawah Najib, malah TERAJU memperkasakan Bumiputera.

"Apa yang berlaku adalah dasar afirmatif sebenarnya diteruskan,



Dasar sebelum ini, termasuk DEB adalah dasar yang baik"

**Abd Rahman Sulaiman,**  
Timbalan Presiden  
MUBARAK

bagaimanapun ia disalurkan (penerima dibantu) berdasarkan keperluan. Ini bermakna bantuan hanya diberikan kepada mereka yang layak untuk elak ketirisan dan kroni," katanya kepada BH.

Abd Rahman berkata demikian menjawab dakwaan sesetengah pihak yang memberikan gambaran kononnya kerajaan di bawah kepimpinan Najib tidak mempunyai hala tuju jelas dalam membantu kelompok Bumiputera dan meminggirkan mereka.

Beliau berkata, TKB adalah perubahan yang dilakukan kerajaan untuk memastikan kegagalan dasar lalu tidak berterusan.

### Pacu ekonomi Bumiputera

"TERAJU juga bertindak sebagai badan yang memacu kedudukan ekonomi Bumiputera, manakala Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera pula menekankan kepada pendidikan Bumiputera," ka-

tanya menjelaskan itu tidak termasuk peranan Majlis Amanah Rakyat (MARA) yang bertanggungjawab dalam latihan dan pendidikan tinggi kelompok itu.

Sehingga 31 Oktober 2017, seramai 16,200 pelajar menerima biasiswa pendidikan Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera (YPPB) berjumlah RM332 juta, manakala 11,929 usahawan menerima manfaat Dana Pembangunan Usahawan Bumiputera (DPUB) membabitkan dana RM110 juta.

TERAJU ialah unit strategik di Jabatan Perdana Menteri yang memacu penyertaan Bumiputera dalam ekonomi negara selaras Pelan Transformasi Negara. Ia turut mengadakan kolaborasi dan menentukan Agenda Pemerikasaan Ekonomi Bumiputera dilaksanakan GLIC/GLC melalui Khazanah Nasional Berhad yang menjadi sekretariat Jawatankuasa Putrajaya Bagi Prestasi Tinggi GLC (PCG).